

Penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi (Economic Action Council)

Date : 11/02/2019

MEDIA STATEMENT

Pejabat Perdana Menteri mengumumkan penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi (Economic Action Council) yang akan bertindak untuk meneliti dan membuat keputusan berkaitan hal ehwal ekonomi dan kewangan serta kebajikan rakyat. Majlis ini ditubuhkan bagi menyahut dan bertindak ke atas maklum balas rakyat jelata terhadap masalah yang mereka hadapi, khususnya dalam bidang ekonomi.

Matlamat utama Majlis ini adalah untuk merencanakan dan merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan, pengagihan kekayaan yang saksama, dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat. Majlis ini juga akan meneliti isu-isu berkaitan kos sara hidup, guna tenaga, kemiskinan dan pemilikan rumah. Berikut adalah senarai ahli-ahli majlis:

1. Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad – Perdana Menteri dan Pengerusi Majlis
2. Datuk Seri Azmin Ali – Menteri Hal Ehwal Ekonomi

3. Tuan Lim Guan Eng – Menteri Kewangan
4. Datuk Ignatius Darell Leiking – Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
5. Tuan Baru Bian – Menteri Kerja Raya
6. Dr Muhammed Abdul Khalid – Penasihat Ekonomi Perdana Menteri
7. Tan Sri Rafidah Aziz – Bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
8. Tan Sri Zeti Akhtar Aziz – Pengerusi Permodalan Nasional Berhad
9. Professor Dr. Jomo Kwame Sundaram – Ahli Majlis Penasihat Kerajaan (CEP)
10. Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek – Pengarah Urusan Public Bank
11. Dr Hasnita Hashim – Pengerusi Majlis Amanah Rakyat
12. Datuk Shireen Ann Zaharah binti Muhiudeen – Pengerusi Bursa Malaysia
13. Tan Sri Dato' Dr Mohd Munir Abdul Majid – Pengerusi Asean Business Advisory Council, Malaysia
14. Dato' Dr Paul Selvaraj – Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)

15. Bah Tony @ Amani William Hunt Abdullah – Peguam

16. Encik Nizam Mahshar – Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Institut MASA

Pelantikan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekretariat bagi Majlis ini adalah Unit Penyelarasan Perlaksanaan di Jabatan Perdana Menteri.

**PEJABAT PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA
11 Februari 2019**

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2019/02/penubuhan-majlis-tindakan-ekonomi-economic-action-council/>